

Mahathir ajak Asean bertemu sekerap mungkin

5 MAR 1991

DENPASAR (Bali), Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata sudah sampai masanya ketua-ketua negara Asean mengadakan pertemuan tidak rasmi sekerap mungkin untuk membincangkan pelbagai masalah dan kepentingan bersama yang perlu diberi perhatian segera.

Beliau berkata, pertemuan itu adalah sebagai tambahan Sidang Puncak Ketua-Ketua Negara Asean dan jika boleh diadakan selepas persidangan keempat di Singapura, tidak lama lagi.

"Pemimpin Asean harus menimbangkan cadangan ini untuk berbincang dan bertukar fikiran yang ada kaitan dengan kepentingan bersama," katanya ketika berucap dalam Persidangan Asean dan Ekonomi Dunia: Cabaran dan Perubahan di sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata, pertemuan seperti ini seharusnya lebih diutamakan daripada pertemuan dua hala sesama pemimpin Asean yang dilakukan selama ini.

Beliau berkata, tugas Asean di mata dunia semakin besar, tetapi apa yang lebih penting hubungan sesama negara anggota harus lebih kuat.

"Perdamaian di rantau Asean harus dikekalkan dan hubungan ekonomi dan sosial di kalangan negara anggota diteruskan untuk menghadapi cabaran dunia pada 1990-an," katanya.

Menurutnya, sudah sampai masanya Asean bersiap sedia mewujudkan Asia Tenggara Baru. "Asean harus berusaha meningkatkan hubungan sesama negara anggota dulu," katanya.

Perdana Menteri berkata, Asia Tenggara tidak seharusnya dijadikan dua kelompok iaitu kelompok enam negara (Asean) dan tiga negara lain.

Sementara itu, Presiden Suharto berkata Indonesia akan menerima secara terbuka apa saja bentuk kerjasama ekonomi serantau selagi ia tidak menjejaskan kerjasama Asean yang sedia ada.

Sambil menyatakan sokongan terhadap gagasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG), beliau berkata:

"Asean perlu menggunakan kekuatannya untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggota dan rakan kongsi yang lain."

Beliau berucap merasmikan persidangan Asean dan Ekonomi Dunia: Cabaran dan Perubahan di sini, malam tadi.

Bagaimanapun, katanya, Indonesia berpendapat kerjasama ekonomi serantau tidak harus menuju pembentukan sistem blok perdagangan tertutup.